






## SIARAN AKHBAR

### INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEDUA (Q2 2023)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau *Residential Property Price Index* (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku kedua 2023 (Q2 2023). Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi). RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari masa ke semasa.
2. Pada Q2 2023, RPPI menunjukkan penurunan sebanyak 0.54% tahun-ke-tahun kepada 92.6 berbanding dengan Q2 2022, dan juga penurunan sebanyak 4.08% berbanding dengan Q1 2023.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q2 2022	Dari Q1 2023
Q2 2023	92.6	-0.54%	-4.08%





- Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 129 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatatkan pada Q2 2023. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 5.74% dalam bilangan transaksi berbanding dengan Q1 2023 dan penurunan sebanyak 0.77% berbanding dengan satu tahun yang lalu. Pada suku kedua 2023, sebahagian besar daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* (50.4%); diikuti oleh rumah teres (25.6%); rumah berkembar atau *semi-detached* (20.9%); pangsapuri (2.3%); dan tanah (0.8%).

4. Harga penengah [*median*] bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian pada Q2 2023 adalah BND252,000. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.0% berbanding dengan Q2 2022, dan peningkatan sebanyak 0.4% berbanding dengan Q1 2023. Harga penengah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND300,000; bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND258,000; bagi rumah teres adalah BND200,000; bagi pangsapuri adalah BND260,000; dan bagi pembelian tanah adalah BND165,000. Pengiraan RPPI menggunakan harga penengah dan bukan harga purata kerana harga penengah tidak mudah terjejas oleh harga hartanah yang luar biasa dalam suatu tempoh masa.
5. Dari segi lokasi, kebanyakan pembelian hartanah persendirian pada Q2 2023 adalah yang terletak di Daerah Brunei Muara (108 hartanah), dan diikuti oleh Daerah Belait (12 hartanah), Daerah Tutong (8 hartanah), dan Daerah Temburong (1 hartanah). Sehubungan dengan ini, lima buah Mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi bagi Q2 2023 adalah Mukim Sengkurong, Mukim Kilanas, Mukim Gadong, Mukim Mentiri and Mukim Berakas 'B'.

<b>Jumlah Transaksi pada Q2 2023 mengikut Daerah</b>	
Brunei dan Muara	108
Belait	12
Tutong	8
Temburong	1

<b>5 Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q2 2023</b>	
Sengkurong	30
Kilanas	24
Gadong	13
Mentiri	10
Berakas B	10

6. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antarlainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
7. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB [www.bdcg.gov.bn](http://www.bdcg.gov.bn). Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 19 Safar 1445H/5 September 2023M

Rujukan: BDCB/COMMS/3